

JKM beri bantuan wang, makanan

Oleh Mohd Shukor Amin
bhnews@bharian.com.my

Penyelesaian sementara ringan beban 4 sekeluarga miskin

SABAK BERNAM: Penenderitaan hidup warga emas, Salmah Md Jalal, 60 dan suami serta dua anaknya akibat rumah mereka di Parit 15, Tebuk Jaya Dua kerap dilanda banjir kilat sejak lima tahun lalu, kini mendapat perhatian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Rumah yang berada di atas rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu dibelinya dengan harga RM8,000 bagi mengurangkan bebanan ketika menyewa dengan kadar RM250 sebulan di Parit 16, di sini.

"Air sering naik dan saya sudah penat mengemas sejak berpindah ke sini. Jika air pasang besar, air akan memasuki rumah sehingga paras lutut dan merosakkan sedikit kelengkapan yang ada," katanya.

Keadaan kewangan agak teruk dan sering tidak cukup memeritkan Salmah kerana wang yang ada hanya dapat menampung sedikit perbelanjaan harian dan jauh sekali untuk membaiki rumah itu.

Rumahnya yang letaknya di tanah rendah menyebabkan ia sering dinaiki air sehingga merosakkan lantai dan terpaksa memakai kasut di dalam rumah.

"Apabila air naik, kami sendiri tidak tahu hendak tidur di mana. Terpaksalah kami berjaga atau menimba air keluar dan bentangkan tikar. Selalu juga kami tidur dalam keadaan basah bila keadaan ini berlaku. Tapi apa kami hendak buat, kami tidak mampu untuk mengatasinya.

"Kadang-kadang saya mengutip buah sawit lerai untuk dijual dan mengambil upah mengurus orang di rumah mereka. Dari situ dapat juga



RUMAH Salmah di Parit 15, Tebuk Jaya Dua, digenangi air setiap kali hujan lebat.

lah wang untuk belanja harian sekeluarga dan membayar bil air serta elektrik selain bantuan RM350 dari Lembaga Zakat Selangor (LZS)," katanya.

Suaminya, Abd Ghani Sulaiman, 63, diserang angin ahmar dua tahun lalu ketika pulang dari bekerja.

Penolong Pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat Daerah Sabak Bernam, Rahim Kassim, berkata hasil maklumat, pihaknya membuat lawatan kerja kes untuk mengenal

“Air sering naik dan saya sudah penat mengemas sejak berpindah ke sini. Jika air pasang besar, air akan memasuki rumah sehingga paras lutut dan merosakkan kelengkapan yang ada”

Salmah Md Jalal
Penduduk

pasti permasalahan sebenar keluarga itu.

Katanya, hasil siasatan mendapati keluarga berkenaan akan terus menghadapi masalah sama selagi punca permasalahan tidak diselesaikan.

"Kita tidak memberikan bantuan kewangan untuk mereka menyelesaikan masalah rumah yang uzur dan dinaiki air kerana masalah sama akan terus berlaku selagi sistem saliran air dan benteng masih tidak berubah.

"Bagaimanapun, kita akan mempertimbangkan untuk memberi bantuan bulanan RM300 kepada Abd Ghani menerusi Bantuan Penjagaan Pesakit Terlantar," katanya yang ditemui ketika lawatan kerja kes itu.

JKM turut menghulurkan bantuan barang keperluan harian berjumlah RM300 termasuk makanan, pakaian dan peralatan tempat tidur sebagai penyelesaian sementara untuk meringankan beban keluarga itu.